

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 9 NOVEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa ramai golongan sasar dari kalangan B40, ibu tunggal dan golongan belia mengikut pembelajaran sepanjang hayat di Kolej Komuniti bagi tahun 2019, 2020 dan 2021.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan Kolej Komuniti adalah selaras dengan matlamat menyediakan akses yang meluas kepada program TVET yang berkualiti dan diiktiraf. Selain itu, ia berperanan memperkasa komuniti melalui Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) serta melahirkan graduan yang holistik dan seimbang serta bercirikan keusahawanan dengan menawarkan program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) yang bertujuan meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta sosio ekonomi komuniti.

Bagi tempoh 3 tahun terkini iaitu pada tahun 2019, 2020 dan 2021, jumlah keseluruhan penyertaan program PSH di Kolej Komuniti bagi **golongan B40** adalah **seramai 107,787 peserta, ibu tunggal seramai 5,176 peserta dan belia seramai 159,712 peserta**.

Sekian, terima kasih.